

**NO. SOALAN : 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. UST. DATUK DR. MOHD KHAIRUDDIN  
BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015**

**SOALAN :**

**YB. Ust. Datuk Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus]**  
minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan;

- (a) statistik pelancong ke Terengganu bagi tahun 2013 dan 2014 serta unjuran pengunjung ke negeri ini sempena Tahun Festival Malaysia 2015; dan
- (b) perancangan-perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun akan datang bagi membangunkan tempat-tempat dan aset-aset pelancongan di Terengganu khususnya yang melibatkan pulau-pulau seperti Pulau Redang dan Pulau Perhentian.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (*Tourism Terengganu*) pada tahun 2013 seramai 4,037,130 orang pelancong telah berkunjung ke Negeri Terengganu dan pada tahun 2014 adalah seramai 4,517,781 orang pelancong. Jumlah yang disasarkan bagi tahun 2015 adalah seramai 5 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), telah memperuntukkan sebanyak RM25,909,325.00 bagi membiayai 24 buah projek berkaitan produk pelancongan dan kebudayaan di negeri Terengganu.

Bagi memastikan industri pelancongan Negeri Terengganu terus mencatatkan peningkatan ketibaan pelancong di masa akan datang terutama ke kawasan pulau-pulau peranginan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk Projek Membina dan Menyiapkan 'Boardwalk' di Pulau Perhentian dan RM4.7 juta bagi Projek Membina Kemudahan Asas Jeti Pelancongan Muara Sungai Merang yang merupakan pintu masuk utama pelancong ke Pulau Redang. Kedua-dua projek ini melibatkan penyediaan kemudahan pelancongan seperti wakaf, tandas awam, kiosk, *boardwalk*, surau, tempat letak kereta, serta kerja-kerja landskap dan pencahayaan dan dijangka siap pada tahun 2016.

Sekian, terima kasih.